

Penyelarasan Kelayakan Tanggungan **BAGI PERUBATAN DAN KLINIK PANEL BERDASARKAN SSPA**

Bermula 1 Disember 2024, kelayakan baharu tanggungan berdasarkan pelaksanaan SSPA untuk kemudahan Perubatan dan Klinik Panel kepada anak kandung, anak tiri dan anak angkat yang sah di sisi undang-undang adalah seperti berikut:

Syarat Kelayakan Anak:

Berumur di bawah
18 tahun.

Jika sambung pengajian,
kelayakan adalah sehingga
berumur 26 tahun dan sehingga
peringkat **Ijazah Pertama sahaja.**

**Bujang dan tidak pernah
berkahwin.** Anak yang
berstatus balu/duda/janda
adalah tidak layak.

- Setelah genap umur 18 tahun, e-mel pemakluman kelayakan tanggungan akan dijana kepada urus setia dan staf berkenaan.
- Staf perlu **mengesahkan maklumat tanggungan setiap tahun** bagi anak yang berumur 18 - 26 tahun yang masih belajar.

Tindakan bagi tanggungan yang sambung pengajian:

Selepas 18 tahun dan sambung pengajian:

- Perlu daftar baharu melalui Sistem ProfilStaf
- Muat naik pembuktian seperti berikut:
 - Surat Pengesahan Belajar yang menyatakan tarikh mula dan tarikh jangka tamat belajar; ATAU Paparan di Sistem Maklumat Pelajar universiti/kolej yang menyatakan pelajar adalah pelajar aktif dan dinyatakan tarikh mula dan tarikh jangka tamat belajar.
- Pilih tarikh mula dan tarikh tamat pengajian. Kelayakan adalah berdasarkan tarikh tamat belajar atau umur mencecah 26 tahun (tertakluk kepada tarikh yang tiba dahulu).

2. Jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat pengajian yang sama, staf perlu mengemaskini maklumat pengajian (Kemaskini Maklumat) beserta dokumen pembuktian iaitu:

- Surat Pengesahan Belajar yang menyatakan tarikh mula dan tarikh jangka tamat belajar; ATAU
- Paparan di Sistem Maklumat Pelajar universiti/kolej yang menyatakan pelajar adalah pelajar aktif dan dinyatakan tarikh mula dan tarikh jangka tamat belajar.

Bagi tahun 2026, pengemaskinian tanggungan boleh dilakukan sehingga 1 Mac 2026.